

20

Simpulan Bahasa



Nota Bestari



Simpulan bahasa ialah bentuk peribahasa yang paling mudah. Biasanya simpulan bahasa terdiri daripada dua patah kata dan mempunyai maksud yang bertlainan sama sekali daripada makna asal perkataan tersebut. Dengan kata lain, simpulan bahasa merupakan ungkapan yang mempunyai maksud tersirat.



Praktis 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Darzin menjadi _____ majikannya kerana dia sangat rajin bekerja.
A anak emas C anak dagang
B anak buah D anak tunggal
2. Usahlah kita menjadi _____ sehingga merosakkan persahabatan orang lain.
A kepala batu C batu api
B hati batu D batu loncatan

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Julia dan kawannya _____ di tepi pantai pada waktu petang.
A membawa diri
B mencuri tulang
C mengambil angin
D mengangkat bahu
4. Sikap Hasrin yang _____ itu menyebabkan biliknya tidak pernah kemas dan sentiasa bersepah.
A buta huruf C pendek akal
B berat tulang D terang hati
5. Saerah tidak banyak mempunyai kawan kerana dia pemalu dan _____.
A murah hati C tebal telinga
B ringan tulang D berat mulut
6. Sikap Pak Muaz yang _____ itu menyebabkan kebanyakan penduduk kampung tidak mengenalinya.

- A telinga kuili
- B kera sumbang
- C hidung tinggi
- D mulut tempayan

KLON
2016

7. Pelbagai jenis kraf tangan daripada kulit kerang itu merupakan _____ Kak Latifah.
A campur tangan
B panjang tangan
C bekas tangan
D dalam tangan

KLON
2016

8. Fendi _____ hendak menyertai kelas tambahan itu setiap hari untuk memperbaiki keputusan peperiksaannya.
A bulat hati C kata hati
B buta hati D makan hati

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah ini.



9. Mahani merupakan _____ dalam pasukan bola jaring sekolah kerana dia cekap menjaringkan bola.
A puteri lilin
B kucing kurap
C lipas kudung
D ayam tambatan
10. Walaupun kaya, lelaki itu _____ kerana tidak pernah menghulurkan derma.
A telinga nipis C buaya darat
B tangkai jering D alim-alim kucing

11. Lelaki yang _____ itu ingin berkawan dengan anak-anak orang kaya sahaja.

- A kaki ayam C akal kancil
B mata duitan D serkap jarang

12. Tindakannya menendang bola itu ternyata _____ apabila bola tersebut melantun lalu mengenai kepalanya.

- A makan diri C buruk makan
B makan dalam D makan suap

13. Segelintir orang mudah _____ apabila disogokkan dengan harta benda dan kemewahan.

- A putih hati C gelap mata
B rabun ayam D hidung tinggi

14. Darlina belajar dengan gigih kerana ingin _____ kakaknya melanjutkan pelajaran ke universiti.

- A berputih tulang
B membuka jalan
C mengikut jejak
D memberi muka

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah ini.



15. "Makanlah mi goreng ini sedikit sebagai _____," kata Puan Zizi kepada anaknya.

- A alas perut C mulut murai
B makan suap D pencuci mulut

16. Amir dan Shafik _____ kerana diajak melancong ke Kelantan sebaik-baik sahaja tiba di rumah datuk di kampung.

- A langkah kiri
B angkat kaki
C salah langkah
D langkah kanan

Praktis 2


Tandakan (✓) bagi simpulan bahasa yang betul berdasarkan ayat-ayat di bawah ini.

- "Kita kena _____ untuk menyelesaikan masalah ini," kata Rafik kepada Joey.
mencari jalan () mencuci mata () mencuri tulang ()
- Sikap Pak Akob dan jirannya yang tidak mahu beralah menyebabkan _____ sering berlaku antara kedua-duanya.
tidur mati () perang mulut () naik darah ()
- Jawapan yang diberikan oleh Suhaila tidak tepat kerana dia _____ sahaja.
loyar buruk () pasang telinga () serkap jarang ()
- Zahari menjadi _____ apabila ayahnya meninggal dunia akibat sakit jantung.
anak yatim () anak emas () anak angkat ()
- Murid-murid diminta memberikan _____ untuk menjadikan kelas mereka ceria.
buah tangan () buah hati () buah fikiran ()


Praktis 3

Nyatakan simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan gambar yang diberikan.

1.



2.



3.



4.



Praktis 4

Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa yang sesuai.

berpeluk tubuh

lidah bercabang

puteri lilin

atas angin

tidur-tidur ayam

buah tangan

kacang hantu

cahaya mata

1. Fahmi membawa sebungkus buah limau sebagai _____ ketika menziarahi Pak Cik Tong.
2. Puan Suraya mempunyai dua orang _____ yang masih kecil.
3. Ibu menegur abang yang hanya _____ ketika menghadiri kenduri di rumah pak long.
4. Syatila digelar _____ kerana tidak tahan akan cuaca panas.
5. Pemuda _____ itu suka melepak dan mengganggu anak gadis yang lalu-lalang.
6. Kata-kata lelaki itu tidak boleh dipercayai kerana dia _____.
7. Khairi hanya _____ malam tadi kerana takut akan suasana gelap.
8. Pelancong-pelancong dari negara _____ gemar bercuti di Malaysia.